



(17) PKPMP.PHBM.600-3/4/1
4 Oktober 2024

YA Hakim/ Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Seluruh Semenanjung Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen
Mahkamah Sesyen
Seluruh Semenanjung Malaysia

Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Seluruh Semenanjung Malaysia

Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Semenanjung Malaysia

Penolong Kanan Pendaftar/ Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah
Seluruh Semenanjung Malaysia

**ARAHAN AMALAN HAKIM BESAR MALAYA
BILANGAN 2 TAHUN 2024
TATACARA DAN PROSEDUR PERMOHONAN DAN SERAHAN
RAKAMAN PROSIDING MAHKAMAH**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Aturan 92, Kaedah 3B Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U.(A) 205/2012*], saya, setelah berunding dengan YAA Ketua Hakim Negara, mengeluarkan Arahan Amalan ini bagi menetapkan tatacara dan prosedur dengan permohonan

dan serahan rakaman prosiding Mahkamah di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah seluruh Semenanjung Malaysia seperti yang berikut:

PEMAKAIAN

2. Arahan Amalan ini terpakai bagi semua permohonan untuk mendapatkan rakaman prosiding Mahkamah berkaitan kes sivil, jenayah, rayuan dan lain-lain permohonan.

TAFSIRAN

3. Dalam Arahan Amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“Mahkamah” merujuk kepada Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret, mengikut mana-mana yang berkenaan, di seluruh Semenanjung Malaysia;

“pemohon” ertinya Peguam yang mewakili pihak-pihak kepada prosiding Mahkamah/ pihak kepada prosiding Mahkamah atau mana-mana pihak lain yang berkepentingan yang memerlukan rakaman prosiding Mahkamah tersebut;

“sistem e-Kehakiman” ertinya mana-mana sistem aplikasi Mahkamah yang dibangunkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan bagi urusan dan prosiding Mahkamah;

TATACARA UNTUK MENDAPATKAN RAKAMAN PROSIDING MAHKAMAH

A. Permohonan Untuk Mendapatkan Rakaman Prosiding Mahkamah

4. Semua permohonan bagi mendapatkan rakaman prosiding Mahkamah hendaklah mematuhi tatacara seperti yang berikut–

(a) permohonan hendaklah menggunakan borang yang dimuat turun menerusi portal e-Kehakiman di <https://ecourt.kehakiman.gov.my>;

(b) pemohon hendaklah melengkapkan semua maklumat dalam borang permohonan sebagaimana yang berikut dengan tepat dan jelas –

(i) nama pemohon/ firma;

(ii) nombor kad pengenalan pemohon;

(iii) nombor telefon dan alamat e-mel;

(iv) nombor kes;

(v) Mahkamah dan nombor bilik bicara di mana prosiding tersebut dijalankan;

(vi) tarikh dan waktu prosiding; dan

- (vii) alasan permohonan yang kukuh (termasuk bagi penyediaan nota prosiding oleh pihak ketiga yang dilantik oleh pihak-pihak).
- (c) borang permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah dengan cara yang berikut –
- (i) bagi pemohon yang merupakan pengguna sistem e-Kehakiman, dikemukakan dengan cara memuat naik borang permohonan ke dalam sistem e-Kehakiman; dan
 - (ii) bagi pemohon lain, hendaklah difailkan di kaunter Biro Perkhidmatan Mahkamah yang terhampir atau melalui e-mel kepada Mahkamah yang berkenaan.
- (d) pemohon akan menerima maklum balas permohonan daripada Mahkamah dalam tempoh selewat-lewatnya lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan tersebut dikemukakan, menerusi sistem e-Kehakiman dan e-mel; dan
- (e) bagi mana-mana pemohon yang tidak menerima maklum balas permohonan, pemohon hendaklah menghubungi Pejabat Pendaftaran Mahkamah di mana prosiding tersebut dilaksanakan berhubung status permohonan tersebut.

B. Fi Permohonan

5. Fi bagi permohonan yang diluluskan adalah sebanyak RM10.00 bagi setiap permohonan. Fi permohonan hendaklah dibayar menerusi kaedah yang berikut –

- (a) bagi pemohon yang merupakan pengguna sistem e-Kehakiman, menggunakan sistem bayaran dalam sistem e-Kehakiman; dan
- (b) bagi pemohon lain, dibayar di kaunter Biro Perkhidmatan Mahkamah yang terhampir.

6. Pemohon hendaklah mengemukakan borang permohonan yang telah diluluskan semasa membuat pembayaran bagi fi permohonan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 5(a) dan 5(b).

C. Serahan Rakaman Prosiding

7. Bagi pemohon yang telah menjelaskan fi permohonan, pemohon akan menerima pautan rakaman prosiding berserta dengan kata kunci akses secara dua (2) e-mel berasingan dalam tempoh selewat-lewatnya tiga (3) hari bekerja dari tarikh pembayaran fi permohonan tersebut.

8. Akses kepada rakaman prosiding dan aktiviti muat turun rakaman prosiding yang diluluskan adalah terhad bagi tempoh lima (5) hari bekerja selepas Mahkamah menyerahkan kata kunci akses dan pautan rakaman kepada pemohon.

9. Akses bagi semua rakaman prosiding yang telah tamat tempoh sebagaimana dinyatakan dalam perenggan 8 hanya dibenarkan sekiranya pemohon mengemukakan permohonan baharu sebagaimana dalam perenggan 4, 5 dan 6 di atas.

10. Bagi mana-mana rakaman prosiding yang tidak dapat diakses oleh pemohon, pemohon hendaklah menghubungi Mahkamah yang berkenaan.

KEGUNAAN RAKAMAN PROSIDING MAHKAMAH

11. Permohonan bagi rakaman prosiding Mahkamah adalah terhad bagi kegunaan untuk penyediaan/ perbicaraan kes Mahkamah atau kegunaan lain yang dinyatakan secara khusus sebagaimana keperluan dalam perenggan 4(b)(vii) di atas dan dibenarkan oleh Mahkamah.

12. Pemohon hendaklah memastikan pematuhan kepada peraturan yang berikut iaitu rakaman tidak boleh –

- (a) digunakan bagi maksud selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan 11;
- (b) diedar/ dikongsi kepada pihak-pihak yang tidak berkaitan;
- (c) disalin semula dalam apa jua bentuk sekalipun;
- (d) diubah atau disunting kandungan rakaman; dan
- (e) dimuat naik di mana-mana platform media sosial.

PEMBATALAN

13. Arahan Amalan yang berikut adalah dibatalkan –

- (a) Arahan Amalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Bilangan 9 Tahun 2011; dan
- (b) Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 4 Tahun 2013.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

14. Arahan Amalan ini mula berkuat kuasa pada **15 November 2024**.



TAN SRI DATUK AMAR ABANG ISKANDAR BIN ABANG HASHIM
Presiden Mahkamah Rayuan
(Menjalankan Kuasa-Kuasa Dan Tugas-Tugas Hakim Besar Malaya)

EDARAN DALAMAN:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Semua YA Hakim Pengurus
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pengarah
Bahagian Dasar dan Perundangan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pengarah
Bahagian eKehakiman
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pengarah
Bahagian Teknologi Maklumat
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pustakawan
Istana Kehakiman
Putrajaya

EDARAN LUARAN:

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya

Yang Dipertua
Majlis Peguam Malaysia
Kuala Lumpur